



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF TERENGGANU DARUL IMAN GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 72  
No. 3

**31hb Januari 2019**

*TAMBAHAN NO. 1  
PERUNDANGAN*

---

---

**Tr. P.U. 1.**

ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL  
AGAMA ISLAM (TERENGGANU) 1422H/2001M

KAEDAH-KAEDAH PEGUAM SYARIE  
(TERENGGANU) (PINDAAN) 2018

ADMINISTRATION OF ISLAMIC RELIGIOUS  
AFFAIRS (TERENGGANU) ENACTMENT  
1422H/2001M

PEGUAM SYARIE (TERENGGANU) RULES  
(ADMENDMENT) 2018

**ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM  
(TERENGGANU) 1422H/2001M**

**KAEDAH-KAEDAH PEGUAM SYARIE (TERENGGANU)  
(PINDAAN) 2018**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 57(2)(a) dan (b) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001M [*En.Tr.2/2001*], Majlis boleh, dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan, membuat kaedah-kaedah seperti yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Terengganu) (Pindaan) 2018**.

(2) Kaedah ini hendaklah berkuatkuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

**Pindaan kaedah 3**

2. Kaedah-kaedah Peguam Syarie (Terengganu) 2015 [*Tr. P.U.15*] yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dalam kaedah 3 dengan memotong perkataan “Khas”.

**Pindaan kaedah 4**

3. Kaedah 4 kaedah-kaedah ibu dipinda dengan menggantikan subkaedah (1) dengan subkaedah yang berikut:

“(1) Jawatankuasa hendaklah terdiri dari—

- (a) Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu, sebagai Pengerusi;
- (b) Penasihat Undang-Undang Negeri atau wakilnya;
- (c) Mufti Negeri Terengganu;
- (d) Ketua Pendakwa Syarie;
- (e) Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah; dan
- (f) seorang Setiausaha.”.

**Pindaan kaedah 5**

4. Subkaedah 5(1) Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama” dengan perkataan “Ketua Pegawai Eksekutif”.

**Pindaan kaedah 16**

5. Subkaedah 16(1) Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan perenggan (f) dengan perenggan yang berikut:

“(f) telah menghadiri kursus, lulus ujian bertulis, temuduga atau mana-mana kombinasi sebagaimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa.”.

**Pindaan kaedah 17**

6. Subkaedah 17(1) Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “yang ditetapkan dalam Jadual 1” perkataan “berserta fi sebanyak satu ratus ringgit.”.

**Pindaan kaedah 20**

7. Kaedah 20 kaedah-kaedah ibu dipinda—

(a) dalam subkaedah (3)(b) perenggan (iv) dengan memasukkan selepas perkataan “yang ditetapkan oleh perenggan (b)(iii),” perkataan “tetapi dibuat dalam tempoh tiga bulan atau sebelum 31 Ogos selepas tamat tempoh sijil;” dan

(b) dengan memasukkan selepas subkaedah (4) subkaedah (5) yang berikut:

“(5) Jawatankuasa boleh menurut budi bicaranya untuk menolak mana-mana permohonan untuk memperbaharui Sijil Amalan Guaman Syarie atas apa-apa sebab yang difikirkan patut oleh Jawatankuasa.”.

**Pindaan Jadual 1**

8. Jadual 1 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Terengganu) 2015” dengan perkataan “KAEDAH-KAEDAH PEGUAM SYARIE (TERENGGANU) 2015”.

**Pindaan Jadual 3**

9. Jadual 3 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Terengganu) 2014” dengan perkataan “KAEDAH-KAEDAH PEGUAM SYARIE (TERENGGANU) 2015”.

Dibuat pada 17 Januari 2019  
[MAIDAM.11-003/1/39 Bhg. 2]

YBhg. Dato’ Haji Osman bin Muda  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU  
TERENGGANU

**ADMINISTRATION OF ISLAMIC RELIGIOUS AFFAIRS  
(TERENGGANU) ENACTMENT 1422H/2001M**

**PEGUAM SYARIE (TERENGGANU) RULES  
(AMENDMENT) 2018**

IN exercise of the powers conferred by paragraph 57(2)(a) and (b) of the Administration of Islamic Religious Affairs (Terengganu) Enactment 1422H/2001 [*Tr.En. 2/2001*], the Majlis may, with the approval of the Duli Yang Maha Mulia Sultan, makes the following rules:

**Citation and commencement**

1. (1) These Rules may be cited as the **Peguan Syarie (Terengganu) (Amendment) Rules 2018**.

(2) These Rules shall come into force on the date of its publication in the *Gazette*.

**Amendment of rule 3**

2. The Peguan Syarie (Terengganu) Rules 2015 [*Tr.P.U. 15*] which are referred to as the “principal Rules” in these Rules, is amended in Rule 3 by deleting the word “Special”.

**Amendment of rule 4**

3. Rule 4 the principal Rules is amended by substituting for subrule (1) the following subrule:

“(1) The Committee shall consist of—

- (a) The President of Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu, as Chairman;
- (b) State Legal Adviser or his representative;
- (c) the Mufti of Terengganu State;
- (d) the Syarie Chief Prosecutor;
- (e) the Syariah Appeal Court Chief Registrar; and
- (f) a Secretary.”.

**Amendment of rule 5**

4. Subrule 5(1) of the principal Rules is amended by substituting the words “The Commissioner of Religious Affairs” with the words “Chief Executive Officer”.

**Amendment of rule 16**

5. Subrule 16(1) The principal Rules are amended by substituting for paragraph (f) the following paragraph:

“(f) has attended the course, passed a written examination, interview or any combination as determined by the committee.”.

**Amendment of rule 17**

6. Subrule 17(1) The principal Rules are amended by inserting after words “as prescribed in Schedule 1” the words “with a hundred ringgit fee”.

**Amendment of rule 20**

7. Rule 20 of The principal Rules are amended—

(a) in subrule (3)(b) of paragraph (iv) by inserting after the words “prescribed by paragraph (b)(iii),” the words “but is made within three months or before 31<sup>st</sup> August after the expiry of the certificate,”; and

(b) by inserting after the following subrule (4) subrule (5):

“(5) The Committee may in its discretion to reject any application for the renewal of Amalan Guaman Certificate for any reason as the Committee deems fit.”.

**Amendment of Schedule 1**

8. Schedule 1 of the principal Rules is amended by substituting the words “Peguam Syarie (Terengganu) Rules 2015” the words PEGUAM SYARIE (TERENGGANU) RULES 2015”.

**Amendment of Schedule 3**

9. Schedule 3 of the principal Rules is amended by substituting the words “Peguam Syarie (Terengganu) Rules 2014” the words PEGUAM SYARIE (TERENGGANU) RULES 2015”.

Made 17 January 2019  
[MAIDAM.11-003/1/39 Bhg. 2]

YBhg. Dato’ Haji Osman bin Muda  
*PRESIDENT*  
*MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU*  
*TERENGGANU*

Hak Cipta Pencetak <sup>(H)</sup>

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN KUALA TERENGGANU  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA